



**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
*The National University of Malaysia*

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2025**

**PELANJUTAN PENGECUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA  
PENYELIDIKAN**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelanjutan tempoh pelaksanaan pengecualian tatacara perolehan bagi dana penyelidikan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 Jld. 3(35) bertarikh 10 Disember 2024.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Pengecualian Tatacara Perolehan bagi Dana Penyelidikan telah diluluskan oleh MOF pada 14 Julai 2023 melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 JLD.3(15) setelah diperaku oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2022 bertarikh 21 Julai 2022.
- 2.2. Pengecualian yang telah diberikan oleh MOF adalah hingga 31 Disember 2024 sahaja bagi perkara berikut :
  - 2.2.1. Pembelian terus melalui invoice tanpa Pesanan Rasmi (PR) bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai hingga RM5 ribu dengan kelulusan Pegawai Yang Diturunkan Kuasa.

- 2.2.2. Rundingan terus bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu melalui Pihak Berkuasa Melulus (PBM) seperti berikut:
- i. Jawatankuasa Sebut Harga bagi perolehan hingga RM200 ribu.
  - ii. Jawatankuasa Perolehan Tender bagi perolehan melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu.
- 2.2.3. Pengecualian keutamaan pelawaan dalam kalangan syarikat Bumiputera bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM100 ribu dengan membenarkan pelawaan kepada semua pembekal dimana syarikat Bumiputera diberi peratus keutamaan harga (Margin of Preference - MOP) sebanyak 10%
- 2.3. Pelaksanaan pengecualian ini telah dikuatkuasa melalui Pekeliling Bendahari Bil.7/2023 : Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Dana Penyelidikan bertarikh 1 Ogos 2023.
- 2.4. Sehubungan itu, pelanjutan bagi tiga (3) perkara yang sama seperti di perkara 2.2 telah dipohon kepada MOF dan ia telah diluluskan melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 Jld. 3(35) bertarikh 10 Disember 2024. Kelulusan diberikan hingga 31 Disember 2026.

### **3. PENGECCUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA PENYELIDIKAN**

- 3.1. Kelulusan oleh MOF melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 Jld. 3(35) bertarikh 10 Disember 2024 adalah seperti berikut:
- 3.1.1. Pembelian terus melalui invoice tanpa Pesanan Rasmi (PR) bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai hingga RM5 ribu dengan kelulusan Pegawai Pengawal atau Pegawai Yang Diturunkan Kuasa terhad hingga Ketua Bahagian Kewangan sahaja.

3.1.2. Rundingan terus bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM5 juta melalui Pihak Berkuasa Melulus (PBM) seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Sebut Harga bagi perolehan hingga RM200 ribu.
- ii. Jawatankuasa Perolehan Tender bagi perolehan melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu.
- iii. Lembaga Pengarah Universiti bagi perolehan melebihi RM500 ribu hingga RM5 juta

3.1.3. Pengecualian keutamaan pelawaan dalam kalangan syarikat Bumiputera bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM100 ribu dengan membenarkan pelawaan kepada semua pembekal dimana syarikat Bumiputera diberi peratus keutamaan harga (*Margin of Preference-MOP*) sebanyak 10%.

#### 4. PELAKSANAAN

4.1. Syarat dan kaedah pelaksanaan bagi pengecualian sebagaimana dinyatakan di perkara 3.1 adalah sama seperti di Pekeliling Bendahari Bil. 7/2023: Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Dana Penyelidikan bertarikh 1 Ogos 2023 **KECUALI** bagi perkara berikut :

Bil.	Perkara Pengecualian	Kelulusan Sedia Ada	Kelulusan Lanjutan
1.	Pembelian Terus melalui Invois tanpa Pesanan Rasmi	Had dibenarkan hingga RM5 ribu bagi bekalan dan perkhidmatan dengan syarat berikut : 1. Bagi semua perolehan TANPA	Had dibenarkan hingga RM5 ribu bagi bekalan dan perkhidmatan dengan tambahan syarat berikut : 1. Hanya bagi perolehan yang

Bil.	Perkara Pengecualian	Kelulusan Sedia Ada	Kelulusan Lanjutan
		<p>mengira pesanan rasmi boleh dikeluarkan ataupun tidak bagi perolehan berkenaan</p>	<p>TIDAK boleh dikeluarkan Pesanan Rasmi; atau</p> <p>2. Terdapat justifikasi yang kukuh menyebabkan Pesanan Rasmi tidak boleh dikeluarkan</p> <p>Contoh: Pembelian keluar negara, Pembelian secara atas talian yang dibuktikan bahawa harga yang ditawarkan adalah memberi nilai faedah terbaik.</p>
		<p>Bayaran dibuat secara tuntutan bayaran balik kepada penyelidik</p>	<p>1. Bayaran dibuat kepada <u>pembekal</u> sahaja melalui tuntutan invoice.</p> <p>2. Perlu mengemukakan kajian pasaran.</p> <p>3. Bayaran secara tuntutan bayaran balik kepada penyelidik adalah TIDAK dibenarkan.</p>
2.	Rundingan Terus	Kuasa melulus seperti berikut:	Kuasa melulus seperti berikut:

Bil.	Perkara Pengecualian	Kelulusan Sedia Ada	Kelulusan Lanjutan
		1. UKM bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu; 2. MOF bagi perolehan bernilai melebihi RM500 ribu.	1. UKM bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM5 juta; 2. MOF bagi perolehan bernilai melebihi RM5 juta
3.	Peratus Keutamaan harga (MOP) syarikat Bumiputera melebihi RM50 ribu hingga RM100 ribu.	Peratus Keutamaan harga (MOP) syarikat Bumiputera adalah sebanyak 10%	Tidak berubah

- 4.2. Pelaksanaan hendaklah memenuhi prinsip amalan tadbir urus baik (good governance) yang memberi nilai faedah terbaik kepada [Universiti](#).
- 4.3. Item yang dibenarkan, syarat-syarat, kaedah dan kuasa melulus adalah sama sebagaimana di dalam Pekeliling Bendahari Bil. 7/2023 : Pengecualian Tatacara Perolehan Bagi Dana Penyelidikan bertarikh 1 Ogos 2023, kecuali bagi item diperkara 4.1 yang diperincikan seperti di **Lampiran A**.
- 4.4. Selain pengecualian sebagaimana dinyatakan di pekeling ini, tatacara perolehan adalah sebagaimana yang telah dikuatkuasakan melalui Garis Panduan Perolehan UKM.

## **5. PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2025** hingga **31 Disember 2026** selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh MOF melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/10/26 Jld. 3(35) bertarikh 10 Disember 2024.